



21 Disember 2016
21 December 2016
P.U. (A) 344

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2016

LICENSING OF HAWKERS (FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi aktiviti penjajaan
4. Permohonan untuk lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

13. Kandungan lesen
14. Larangan

Undang-
undang
kecil

15. Pemeriksaan perubatan dan kursus asas penyediaan makanan
 16. Kewajipan pemegang lesen
 17. Pelantikan penama
 18. Pengambilan pembantu
 19. Lesen hendaklah berkenaan dengan tapak menjaja tertentu
 20. Saiz bagi gerai, petak peraga dinding dan kereta tolak
 21. Pembinaan kajang atau atap di atas petak
 22. Perobohan dan penyitaan
 23. Larangan bagi aktiviti penjajaan
 24. Penempatan dan pengalihan gerai
 25. Kenderaan
 26. Penjaja bergerak
 27. Orang yang dilarang menyediakan makanan
 28. Cara mengendalikan makanan
 29. Tempat di mana penyediaan makanan dilarang
 30. Kehendak kebersihan
 31. Larangan penjualan makanan tidak selamat
 32. Petak menjaja tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil
 33. Perubahan barang yang telah dilesenkan
 34. Waktu menjalankan aktiviti penjajaan
 35. Bekalan air
 36. Perobohan, penyitaan dan tuntutan
 37. Kacau ganggu
 38. Kuasa untuk menghendaki maklumat
 39. Pengecualian
 40. Penalti
 41. Pembatalan dan peruntukan peralihan
- JADUAL PERTAMA
- JADUAL KEDUA
- JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(1)(g) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] (sebagaimana yang diperluas dan diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2010 [*P.U. (A) 439/2010*]), Perbadanan Labuan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Labuan) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti penjajaan” ertinya menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di sesuatu tapak menjaja;

“barang” termasuklah apa-apa jenis makanan, perkhidmatan yang diberi atau apa-apa jenis barang yang lain;

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“gerai” ertinya struktur yang didirikan untuk tujuan menjaja yang di atasnya atau di dalamnya barang-barang dijual atau dipamerkan untuk jualan di tapak menjaja;

“kenderaan” ertinya suatu van, kereta tolak atau apa-apa kenderaan lain yang diluluskan oleh Perbadanan untuk digunakan bagi tujuan menjaja;

“makanan” termasuklah tiap-tiap barang yang dikilangkan, dijual atau digambarkan untuk digunakan sebagai makanan atau minuman bagi kegunaan manusia atau yang diguna di dalam komposisi, penyediaan dan pengawetan mana-mana makanan atau minuman bagi kegunaan manusia dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa bahan lain untuk makanan, minuman, konfeksi atau bahan kunyahan itu;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen penjaja dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“penjaja” ertinya seseorang penjaja bergerak, penjaja sementara atau penjaja statik yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“penjaja bergerak” ertinya mana-mana orang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat di mana-mana jalan untuk menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang;

“penjaja sementara” ertinya mana-mana orang yang menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang di gerai atau petak yang ditetapkan di mana-mana jalan bagi maksud itu oleh Perbadanan untuk apa-apa tempoh dan mengikut waktu perniagaan yang ditetapkan oleh Perbadanan;

“penjaja statik” ertinya mana-mana orang yang menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang di gerai atau petak di mana-mana jalan atau di mana-mana petak peraga dinding;